



فندفتر فرسانوان نلاپن ملپسيا

PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN MALAYSIA

D/A LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
LEVEL 4, MENARA OLYMPIA, NO.8, JALAN RAJA CHULAN
PETI SURAT 12630, 50200 KUALA LUMPUR.
TEL : 03-2617 7000 FAX : 03-2070 7369

LKIM : DF 406/764/1 Jld. 2 (6)

BIL. KAMI :

Bertarikh : 18 Oktober 2011

BIL. TUAN :

Bersamaan : 20 Zulkaedah 1432 Hijrah

*Pengerusi,
Persatuan Nelayan Kawasan.....*

Tuan,

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6/2011

PROSES SEMAKAN KATEGORI AHLI PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah di rujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, Pejabat Pendaftar telah mengarahkan kepada semua Persatuan Nelayan yang mengadakan Pemilihan Jawatan Ahli Lembaga Pengarah supaya menggunakan Manual Proses Kerja Semakan Kategori Ahli Persatuan Nelayan Kawasan yang telah di sediakan oleh Pejabat Pendaftar.

3. Semakan kategori ahli-ahli bagi semua Persatuan Nelayan Kawasan mula dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP) pada bulan September sehingga bulan November. Manakala bagi semakan kategori ALP pula akan dibuat oleh Wakil-Wakil Pendaftar pada bulan Disember.

4. Bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 6/2011 berhubung dengan Proses Semakan Kategori Ahli Persatuan Nelayan Kawasan untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“ INOVASI PERTANIAN PEMANGKIN PEMBANGUNAN ”

Saya yang menurut perintah,


(OTHMAN BIN ABDUL LATIFF)

Penolong Pendaftar,

b.p : Pendaftar Persatuan Nelayan

s.k.

Pengarah,
Bahagian Audit Dalam.

Pegawai Penyelia

Persatuan Nelayan-Persatuan Nelayan Negeri _____



PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN MALAYSIA

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6/2011

**PROSES SEMAKAN KATEGORI AHLI PERSATUAN NELAYAN
KAWASAN**

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan panduan membuat Semakan Kategori Ahli-Ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa semua PNK hendaklah membuat semakan kategori ahli sekurang-kurangnya dua tahun sekali selaras dengan tempoh bagi pemilihan jawatan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) didalam Mesyuarat Agung Tahunan. Pekeliling Pendaftar Bil. 2/2009 adalah berkaitan.

3. Sehubungan dengan ini bagi maksud melaksanakan proses kerja semakan tersebut, pihak Pendaftar telah menyediakan Manual Proses Semakan Kategori Ahli Persatuan Nelayan Kawasan sebagai panduan.

4. Bersama Pekeliling ini disertakan :-


- i) Manual Proses Semakan Kategori Ahli Persatuan Nelayan Kawasan
- ii) Borang Permohonan Menjadi Ahli Persatuan Nelayan Kawasan

- iii) Borang Semakan Kategori Ahli Persatuan Nelayan Kawasan
5. Oleh yang demikian semua Persatuan Nelayan hendaklah menggunakan borang dan manual yang telah dilampirkan ini bagi tujuan semakan kategori ahli PNK masing-masing.
6. Pemakaian Pekeliling ini adalah meliputi kepada semua Persatuan Nelayan.
7. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

○ Sekian. Terima kasih.

“INOVASI PERTANIAN PEMANGKIN PEMBANGUNAN ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHAD KHAZIN BIN HAMZAH)
Pendaftar,
Persatuan Nelayan Malaysia.

○ 18 hb. Oktober 2011

s.k:

Pengarah,
Bahagian Audit Dalam.

Pegawai Penyelia
Persatuan Nelayan-Persatuan Nelayan Negeri _____



PENDAFTAR PERSATUAN NELAYAN

**GARIS PANDUAN /
PROSES KERJA SEMAKAN
KATEGORI AHLI
PERSATUAN NELAYAN
KAWASAN (PNK)**

Disediakan Oleh :

Pejabat Pendaftar
Persatuan Nelayan Malaysia,
Tingkat 4, Menara Olympia,
No.8, Jalan Raja Chulan,
Peti Surat 12630,
50200 KUALA LUMPUR

**GARIS PANDUAN PROSES KERJA SEMAKAN KATEGORI AHLI
PERSATUAN NELAYAN KAWASAN (PNK)**

BIL	PERKARA	RUJUKAN UNDANG- UNDANG	TINDAKAN
01	<p><u>ARAHAN SEMAKAN KATEGORI:</u></p> <p>1.1. Pendaftar Persatuan Nelayan telah mengeluarkan arahan kepada semua Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) untuk menjalankan kerja-kerja semakan keatas kedudukan semasa kategori ahli-ahli melalui Pekeliling-pekelling Pendaftar yang dikeluarkan dari masa kesemasa; dan</p> <p>1.2. Semakan ini dibuat adalah selaras dengan peruntukan dibawah Kaedah 15(a) Perlembagaan Persatuan Nelayan Kawasan yang memperuntukan diantara kewajipan dan tugas-tugas Lembaga Pengarah adalah:-</p> <p style="padding-left: 40px;">(a) mengkaji permohonan menjadi ahli, kelulusan pemberhentian atau pemecatan ahli, menyemak dan menetapkan kategori ahli; dan</p> <p>1.3. Manakala bagi Ahli-ahli Lembaga Pengarah pula kategori keahlian mereka akan disemak dan ditetapkan oleh Pendaftar.</p>	<p><i>PP.3/1988 & PP.2/2009</i></p> <p><i>K.15(a) P`bagaan PNK</i></p>	<p><i>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</i></p>
02	<p><u>BILA SEMAKAN PERLU DIBUAT:</u></p> <p>2.1. Semakan semula kedudukan kategori ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan hendaklah dibuat tiap-tiap 2 tahun sekali, selaras dengan tempoh bagi pemilihan jawatan-jawatan yang dipilih didalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT); dan</p> <p>2.2. Bagi Persatuan Nelayan Kawasan yang masih lagi belum membuat pindaan keatas peruntukan Kaedah 15(a) Perlembagaan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) hendaklah mengambil tindakan segera sapertimana yang telah diarahkan oleh Pendaftar sebelum ini.</p>	<p><i>PP.3/1988 & PP.2/2009</i></p> <p><i>PP.2/2009</i></p>	<p><i>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</i></p>

<p>4.4. <u>Pemberitahu/Bantahan:</u></p> <p>4.4.1. Ahli-ahli yang telah dibuat semakan akan diberitahu akan kedudukan kategori mereka;</p> <p>4.4.2. Dalam masa 7 hingga 14 hari dari tarikh senarai itu dipamerkan. Mana-mana ahli yang tidak berpuashati dengan kategori baru yang dipamerkan itu, hendaklah merayu kepada Pegawai Penyelia Negeri/Wakil Pendaftar, dengan mengemukakan dokumen serta bukti-bukti sokongan bagi membuktikan kedudukan kategori sebenar mereka untuk diambil tindakan selanjutnya;</p> <p>4.4.3. Pengerusi/Wakil Pendaftar hendaklah mengambil tindakan pembetulan keatas kategori ahli-ahli yang berkenaan, sekiranya berkaitan;</p> <p>4.4.4. Jika tiada bantahuan/rayuan daripada mana-mana ahli dalam tempoh masa yang ditetapkan, adalah disifatkan bahawa ahli-ahli telah menerima dan memperakuiinya; dan</p> <p>4.4.5. Bantahan ini akan berakhir pada 7 Februari, pada tahun yang sama. Mana-mana bantahan yang dibuat selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.</p>	<p>PP.2/2009</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
<p>4.5. <u>Rayuan:</u></p> <p>4.5.1. Seseorang ahli atau Ahli L/Pengarah yang muskhil atau tidak berpuashati diatas keputusan atau tindakan yang diambil oleh Pengerusi/Wakil Pendaftar hendaklah membuat rayuan kepada Pendaftar; dan</p> <p>4.5.2. Rayuan bagi maksud tersebut akan berakhir pada 15 Februari dan Keputusan Pendaftar keatas rayuan tersebut adalah muktamad.</p>	<p>PP.2/2009</p>	<p>Pendaftar/ Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
<p>4.6. <u>Pengesahan Daftar Semakan:</u></p> <p>4.6.1. Suatu `Senarai Daftar Ahli' yang telah disemak dan dikemaskini hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia Negeri/Wakil Pendaftar Negeri selewat-lewatnya pada 28 Februari, tahun berkenaan;</p>	<p>PP.2/2009</p>	<p>Pegawai Penyelia Negeri</p>

	<p>4.6.2. Satu salinan senarai daftar ahli-ahli yang telah disahkan/diperakukan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Pegawai Penyelia Negeri serta Pejabat Pendaftar Kuala Lumpur untuk simpanan; dan</p> <p>4.6.3. Hanya senarai daftar ahli-ahli yang telah disahkan itu sahaja yang akan digunapakai untuk ahli-ahli yang layak hadir/mengundi didalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi tahun/penggal berkenaan.</p>	<p>K.3(6) P`bagaan PNK</p>	
05	<p><u>BORANG BIODATA KE AHLIAN :</u></p> <p>5.1. Mulai tahun 2011, semua ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dikehendaki mengisi butiran/maklumat mereka didalam `Borang Biodata Ahli' sapertimana yang telah ditetapkan oleh Pendaftar;</p> <p>5.2. Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah hendaklah memastikan setiap ahli PNK telah mengisi didalam borang berkenaan; dan</p> <p>5.3. Borang Biodata Ahli adalah seperti dilampiran.</p>	<p>K.3(6) P`bagaan PNK</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
06	<p><u>SENARAI DAFTAR AHLI :</u></p> <p>6.1. Senarai `Buku Daftar Ahli' (PNK) yang telah dikemaskini hendaklah disediakan terlebih dahulu, sebelum kerja-kerja semakan dimulakan; dan</p> <p>6.2. Sekiranya, buku daftar tidak ada atau dikemaskinikan, PNK hendaklah mendapatkan butir-butir atau maklumat peribadi, pekerjaan dan aktiviti ahli dengan mengisikan `Borang Biodata Keahlian'. oleh semua ahli-ahli.</p>	<p>K.3(6) P`bagaan PNK/ PP.2/2009</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
07	<p><u>PROSES SEMAKAN KATEGORI :</u></p> <p>7.1. Semua urusan dan kerja-kerja bagi semakan kategori ahli-ahli hendaklah dibuat atau dilakukan didalam Mesyuarat-mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (Mesyuarat Bulanan/Luarbiasa);</p>	<p>P.27(1)</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/</p>

<p>7.2. Semakan bukan hanya untuk menyemak kategori ahli-ahli sahaja, tetapi merangkumi semua data dan maklumat-maklumat ahli yang perlu dikemaskinikan dari masa kesemasa;</p> <p>7.3. Menguatkuasakan peruntukan dibawah Peraturan 27(1) Peraturan-Peraturan PN 1972 telah menjelaskan `Seseorang ahli terhenti daripada menjadi ahli PNK' jika:-</p> <p>(a) Ia meletakkan jawatan dengan sukarela menurut Perlembagaan atau Kaedah-kaedah;</p> <p>(b) Ia mati;</p> <p>(c) Ia tinggal diluar kawasan kegiatan tanpa mendapat kebenaran L/Pengarah;</p> <p>(d) Ia tidak membayar yuran tahunan bagi 2 tahun Berturut-turut yang berjumlah sebanyak 2 yuran Tahunan; atau</p> <p>(e) Ia dipecat oleh Lembaga Pengarah oleh sebab kelakuan yang memudharatkan nama baik Persatuan atau yang bertentangan dengan Tujuan-tujuan Persatuan Nelayan; atau</p> <p>(f) Ia hilang kelayakkan menurut Kaedah 6,</p>	<p>P.27(1)/ K.7(1) P`bagaan PNK</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
<p>7.4. Manakala dibawah peruntukan Kaedah 6, Perlembagaan PNK pula, menjelaskan `Seseorang itu tidak dibenarkan menjadi ahli', jika ia:-</p> <p>(a) Ia dirampas kewarganegaraannya;</p> <p>(b) Ia menjagi gila;</p> <p>(c) Ia dilarang mempunyai harta;</p> <p>(d) Ia disabitkan dengan kesalahan jenayah atau penipuan yang menimbulkan wasangka yang boleh membawa kepada buruk sangka kepada Persatuan Nelayan itu; dan</p> <p>(e) Ia tinggal diluar kawasan kegiatan PNK.</p>	<p>K.6 P`bagaan PNK</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli/ahli</p>

	<p>7.5. Walaubagaimana pun, didapati banyak PNK yang masih lagi mengekalkan keahlian kepada ahli-ahli yang gagal menjelaskan yuran tahunan melebihi 2 tahun berturut-turut, tanpa diambil tindakan yang sewajarnya oleh Persatuan Nelayan; dan</p> <p>7.6. Usaha pembersihan hendaklah dibuat oleh pengurusan Persatuan secara berkala dan berterusan. Tindakan proaktif hendaklah diambil dalam usaha membantu ahli-ahli didalam urusan pembayaran yuran tahunan.</p>	<p>PP.3/1988 & PP.2/2009</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
<p>08</p>	<p><u>PENYELIAAN SEMAKAN :</u></p> <p>8.1. Pegawai Penyelia Negeri hendaklah mengarah dan menyelia akan semua urusan dan kerja-kerja semakan bagi semua Persatuan Nelayan Kawasan dalam negeri masing-masing;</p> <p>8.2. Wakil-wakil Pendaftar adalah dikehendaki hadir didalam mesyuarat-mesyuarat L/Pengarah dan bertindak selaku 'Pakar Rujuk' bagi maksud diatas; dan</p> <p>8.3. Semua urusan berkenaan semakan hendaklah dibuat dan diputuskan didalam mesyuarat ahli L/Pengarah.</p>	<p>S.11/P.27(1)/ PP.1/1988/ PP.3/1988 & PP.2/2009</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>
<p>09</p>	<p><u>PANDUAN SEMAKAN :</u></p> <p>9.1. Semakan kategori ahli hendaklah dibuat dengan berpandukan kepada peruntukan dibawah Seksyen 11 Akta 44, Akta PN 1971 serta Pekeliling-pekeliling Pendaftar yang telah dikeluarkan dari masa kesemasa;</p> <p>9.2. Semasa semakan dibuat, seseorang 'Ahli Biasa' yang tidak layak dibawah kategori 11(1)(a), (b) atau (c) hendaklah digugorkan dari menjadi ahli dan mereka ini adalah tidak layak untuk disenaraikan dibawah kategori 11(2) atau 'Ahli Bersekutu'; dan</p> <p>9.3. Manakala untuk menjadi 'Ahli Bersekutu' hendaklah dibuat permohonan kepada Persatuan Nelayan dengan mengisi borang yang telah ditetapkan.</p>	<p>S.11/P.27(1)/ PP.1/1988/ PP.3/1988 & PP.2/2009</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar/ Ahli-ahli</p>

<p>(a) Memohon didalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar;</p> <p>(b) Membayar bayaran masuk dan yuran tahunan bagi tahun itu;</p> <p>(c) Memperolehi sekurang-kurangnya sat usher yang dikeluarkan oleh PNK; dan</p> <p>(d) Lembaga Pengarah meluluskan permohonan menjadi ahli.</p> <p>10.2.3. Tiada Lembaga Pengarah boleh menolak mana-mana permohonan untuk menjadi ahli, melainkan pemohon itu telah, dengan tingkah lakunya yang terdahulu menunjukkan kemasukannya akan memudharatkan kepentingan PN; dan</p> <p>10.2.4. Seseorang pemohon yang ditolak boleh dalam masa 2 minggu dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Pegawai Penyelia Negeri. Keputusan Pegawai Penyelia Negeri adalah muktamad.</p>	<p>P.22(3)</p> <p>P.22(4)</p>	
<p>11 <u>AHLI BERSEKUTU:</u></p> <p>11.1. <u>Syarat-syarat Menjadi Ahli Bersekutu:</u></p> <p>11.1.1. Syarat-syarat hendak menjadi Ahli Bersekutu atau ahli dibawah peruntukan Seksyen 11(2) bagi sesuatu PNK, seseorang itu hendaklah:-</p> <p>1) Mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan atau mengambil bahagian dalam memperkembang dan memajukan perusahaan menangkap ikan.</p> <p>11.2. <u>Permohonan Menjadi Ahli Bersekutu:</u></p> <p>11.2.1. Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat seksyen 11(2) Akta adalah layak untuk memohon menjadi ahli bersekutu; dan</p>	<p>S.11(2)</p> <p>P.24</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar Ahli-ahli</p> <p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar Ahli-ahli</p>

	<p>11.2.2. Seseorang yang layak boleh disenaraikan sebagai ahli bersekutu, bila:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Memohon didalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar; (b) Membayar bayaran masuk dan yuran tahunan yang ditetapkan bagi tahun itu; dan (c) Memperolehi sekurang-kurangnya satu sher yang dikeluarkan oleh PNK itu. <p>12 <u>SALINAN DAFTAR SEMAKAN:</u></p> <p>12.1. Satu salinan daftar senarai ahli-ahli yang telah disemak dan disahkan oleh Pegawai Penyelia Negeri/Wakil Pendaftar hendaklah dihantar ke Pejabat Pendaftar Kuala Lumpur untuk simpanan; dan</p> <p>12.2. Senarai yang telah disahkan itu akan digunapakai serta menjadi suatu keterangan 'Prima Facie' yang berkaitan dengan keahlian sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan itu.</p>	<p>Sek. 11A</p>	<p>Pengerusi/ ALP/Wakil Pendaftar Ahli-ahli</p>
--	---	-----------------	---

JADUAL SEMAKAN KATEGORI AHLI PERSATUAN NELAYAN KAWASAN (PNK)

BIL	BULAN/TAHUN	AKTIVITI	TINDAKAN
01	<p><u>01 September,</u> 2011</p> <p>Hingga</p> <p><u>30 November,</u> 2011</p>	<p>1.1. <u>MULA SEMAKAN KATEGORI AHLI:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja semakan kategori ahli-ahli semua Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) mula dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP) didalam Mesyuarat ALP samada bulanan/luarbiasa; 2. Semakan dibuat adalah berdasarkan kepada peruntukan dibawah Seksyen 11 Akta PN 1971 dengan berpandukan butiran/maklumat ahli-ahli dalam `Borang Biodata Ahli' atau `Buku Daftar Ahli' PNK yang telah dikemaskini; dan 3. Kerja-kerja semakan hendaklah dijalankan dibawah penyeliaan/panduan oleh Pegawai Penyelia Negeri (PPN) atau Wakil Pendaftar. <p>1.2. <u>SELESAI SEMAKAN KATEGORI AHLI:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja semakan kategori ahli-ahli PNK selesai disebelum atau pada 30 Nov. 2. Memberitahu ahli-ahli akan perubahan atau kedudukan semasa kategori mereka satelah semakan dibuat; dan 3. Mempamirkan senarai nama-nama ahli yang telah disemak itu ditempat-tempat awam dan dipejabat Persatuan Nelayan. 	<p>Pengerusi/Ahli L/Pengarah</p> <p>Pengerusi/Ahli L/Pengarah & Wakil Pendaftar</p> <p>Pengerusi/Ahli L/Pengarah/ Wakil Pendaftar & PPN</p> <p>Pengerusi/Ahli L/Pengarah</p>

02	<p>01 Disember, 2011</p> <p>Hingga</p> <p>31 Disember, 2011</p>	<p>2.1. SEMAKAN KATEGORI L/PENGARAH:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja semakan kategori Ahli Lembaga Pengarah bermula dan berakhir pada pada 31 Disember, 2011; 2. Kerja-kerja ini akan dibincang/diputuskan dalam suatu Mesyuarat J/Kuasa Wakil-wakil Pendaftar di peringkat sesuatu negeri itu; dan 3. Pegawai Penyelia Negeri hendaklah membuat perancangan, mengaturkan dan menjadi pengerusi bagi mesyuarat-mesyuarat tersebut. <p>2.1. SELESAI SEMAKAN KATEGORI L/PENGARAH:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberitahu/memaklumkan kepada ahli-ahli (L/Pengarah) akan perubahan atau kedudukan semasa kategori mereka setelah semakan dibuat. 	<p>Peg. Penyelia Negeri/Wakil-wakil Pendaftar</p> <p>Peg. Penyelia Negeri/Wakil-wakil Pendaftar</p>
03	<p>1 Januari, 2012</p> <p>Hingga</p> <p>31 Januari, 2012</p>	<p>3.1. MEMPAMIRKAN SENARAI DAFTAR SEMAKAN:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Senarai Daftar ahli-ahli yang telah disemak Hendaklah dipamerkan ditempat-tempat awam dan di pejabat PN untuk makluman/bantahan dari ahli-ahli. 	<p>Pengerusi/Ahli L/Pengarah</p>
04	<p>1 Februari, 2012</p> <p>Hingga</p> <p>7 Februari, 2012</p>	<p>4.1. BANTAHAN:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Dalam masa 7 hingga 14 hari dari tarikh senarai daftar itu dipamerkan, mana-mana ahli yang tidak berpuashati keatas perubahan kategori mereka, hendaklah membuat bantahan kepada Pengerusi atau Wakil-wakil Pendaftar; 	<p>Ahli-ahli/ Pengerusi ALP & Wakil-wakil Pendaftar</p>

		<ol style="list-style-type: none"> 2. Bantahan dibuat dengan mengemukakan dokumen atau bukti-bukti sokongan bagi membuktikan kedudukan sebenar kategori mereka; 3. Pengerusi/Wakil Pendaftar hendaklah mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan bukti/dokumen yang telah dikemukakan ahli-ahli berkenaan; dan 4. Jika tiada bantahan yang diterima dari ahli-ahli dalam tempoh masa yang telah ditetapkan itu, adalah disifatkan mereka telah menerima dan memperakunya. 	
05	<p><i>7 Februari, 2012 Hingga 15 Februari, 2012</i></p>	<p>5.1. <u>RAYUAN:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Seseorang ahli atau Ahli L/Pengarah yang musykil atau tidak berpuashati terhadap keputusan yang diambil oleh Pengerusi atau Wakil-wakil Pendaftar, hendaklah membuat rayuan kepada Pendaftar; dan 2. Keputusan Pendaftar adalah muktamad. 	

(E) PERAKUAN

Adalah saya dengan ini memperakui segala maklumat serta keterangan yang dinyatakan ini adalah benar. Sekiranya terdapat apa-apa perkara atau maklumat didapati tidak benar atau palsu, maka saya dengan rela hati menerima segala tindakan daripada Persatuan Nelayan Kawasan atau pihak berkuasa yang lain.

TARIKH :

TANDATANGAN :

(F) PENGESAHAN PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI PERIKANAN (MAJIKAN)

Saya dengan ini mengesahkan pemohon ini adalah terlibat dalam menjalankan penyelidikan berkenaan dengan atau mengambil bahagian dalam memperkembang dan memajukan perusahaan menangkap ikan.

NAMA

Grid for name entry

NO KAD PENGENALAN (BARU)

Grid for ID number entry

ALAMAT SURAT MENYURAT

Grid for address entry

JAWATAN

Grid for position entry

PERHUBUNGAN

Grid for contact information entry

TARIKH :

TANDATANGAN :

(G) KEPUTUSAN

PERMOHONAN *DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

PERMOHONAN DITERIMA PADA

Grid for date of acceptance

DI BENTANG DALAM MESYUARAT A.L.P PADA

Grid for date of meeting

DI LULUSKAN / DI TOLAK PADA

Grid for date of decision

TARIKH :

.....
(PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH)

* POTONG MANA BERKENAAN

Disediakan oleh :-

Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan

